

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 NOVEMBER 2016

# Pak Lah sambut hari lahir ke-77

BH - 27/11/2016



**Abdullah memotong pulut kuning** sempena sambutan ulang tahun kelahirannya ke-77 sambil diperhatikan Zainal selepas merasmikan Majlis Konvokesyen Kolej WIT Ke-31 di Klang, Selangor, pagi semalam.


**Kuala Lumpur:** Tun Abdullah Ahmad Badawi menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-77, semalam.

Majlis sambutan hari lahir bekas Perdana Menteri kelima itu diraikan secara tidak rasmi ketika Abdullah hadir merasmikan Majlis Konvokesyen Kolej WIT Ke-31 di Klang, Selangor, pagi semalam.

Pada majlis itu, Abdullah yang memakai kot biru gelap dan tali leher merah memotong kek hari lahir dan pulut kuning sempena ulang tahun kelahirannya sambil diperhatikan Pengerusi Kolej WIT, Tan Sri Zainal Rampak dan wakil Kementerian Sumber Manusia.

## Ucap terima kasih kepada semua

Jurucakap Pejabat Tun Abdullah Ahmad Badawi (PTAB) ketika dihubungi berkata, Bapa Pembangunan Mo-



## Tun Abdullah Ahmad Badawi

### → Tarikh lahir:

26 November 1939

### → Tempat lahir:

Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang

dal Insan itu turut meraikan ulang tahun kelahirannya bersama keluarga yang diadakan secara tertutup di kediamannya di ibu negara.

“PTAB mewakili Tun Abdullah mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan ucapan selamat ulang tahun serta mendoakannya,” katanya.

Abdullah dilahirkan pada 26 November 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Beliau adalah anak sulung kepada Ahmad Badawi Sheikh Abdullah Fahim. Datuknya, Sheikh Abdullah Fahim adalah bekas mufti Pulau Pinang.

Mula menyertai UMNO pada 1964, Abdullah bergerak aktif dalam politik sehingga dilantik sebagai Perdana Menteri pada 3 November 2003 dan berundur daripada jawatan itu pada 3 April 2009.